

SULIT



PEPERIKSAAN AKHIR

SESI : JANUARI – MEI 2012

SUBJEK : PENDIDIKAN MORAL
KOD SUBJEK : MPW 1153
KOD KURSUS : DEL / DMB / DSB / DGA
SEMESTER : 1-5
TEMPOH MASA : 2 JAM 30 MINIT
TARIKH : 10 MEI 2012

Arahan Untuk Calon :

- (a) Jawab semua soalan di Bahagian A, B dan C
- (b) Sifa tandakan jawapan anda di borang OMR yang disediakan bagi soalan di Bahagian A.
- (c) Jawapan Bahagian C hendaklah ditulis menggunakan pen mata bola berdakwat biru atau hitam.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak tidak termasuk muka surat hadapan



BAHAGIAN A

ANEKA PILIHAN

(20 MARKAH)

Jawab Semua soalan berikut :

1. Di Malaysia, seseorang individu dikatakan bermoral sekiranya individu tersebut :

- I. Mematuhi undang-undang.
- II. Mematuhi peraturan masyarakat.
- III. Melakukan kebaikan untuk diri sendiri.
- IV. Melakukan apa sahaja demi mencapai cita-cita.

A. I dan II sahaja

C. I dan III sahaja

B. II dan III sahaja

D. III dan IV sahaja

2. Peraturan moral tidak tercatat dalam mana-mana kitab kecuali peraturan agama kerana:

- A. Peraturan moral ada dengan adat.
- B. Peraturan moral mengikut logik akal.
- C. Peraturan moral menjadikan manusia terikat.
- D. Peraturan agama adalah ketat.

3. Beberapa pandangan Fungsi Nilai adalah seperti berikut, **KECUALI** :

- A. Sebagai alat pengukur yang konsisten.
- B. Sebagai alat pengukur yang sentiasa berubah.
- C. Panduan penyelesaian konflik manusia.
- D. Batasan untuk kelakuan manusia.

4. Kannan impikan kemewahan untuk keluarganya dan dia tidak kisah dengan melibatkan diri dalam beberapa siri rompakan bersenjata. Prinsip Kannan ini adalah bersamaan dengan teori :

A. Egoisme

C. Utilitarianisme

B. Teleologikal

D. Deontologi

egoisme
- bala - untung
- b. j. - n. f.

1

utilitarianisme
- maks. kecekapan
- maks. kebahagiaan



5. Yang manakah daripada pernyataan di bawah **BUKAN** kelemahan utilitarianisme tindakan?

- A. Sukar menentukan akibat baik bagi orang lain dan semua pihak.
- B. Kesukaran membuat peraturan sejagat tanpa pengecualian.
- C. Sukar mendidik kanak-kanak atau orang jahil.
- D. Setiap situasi memerlukan penilaian baru.

6. Apabila berhadapan dengan isu atau delima moral, insan moral dapat membuat pertimbangan berdasarkan :

- A. Etika Prinsip
- B. Etika Situasi
- C. Etika Keadilan ✓
- D. Etika Kepedulian ✓

7. Komponen Dimensi Moral adalah seperti berikut, **KECUALI** :

- A. Penaakulan
- C. Gerak hati
- B. Emosi
- D. Tingkah laku

8. Pilih pernyataan yang **SALAH** tentang Prinsip Kewajipan :

- A. Niat, tujuan dan motif seseorang bukan tumpuan prinsip kewajipan.
- B. Prinsip kewajipan melahirkan insan yang patuh dan taat kepada kewajipan undang-undang. ✓
- C. Sifat ikhlas adalah dasar prinsip ini. *elaborasi*
- D. Prinsip ini dapat mewujudkan individu yang bertanggungjawab terhadap dirinya. ✓

9. Sally seorang yang bermurah hati dan suka menolong orang lain, dia juga mengutamakan kesenangan orang lain (altruistik). Mengikut teori X tindakan Sally ini tiada nilai moral kerana bertindak mengikut kecenderungan. Teori X merujuk kepada :

- A. Prinsip Kewajipan ✓
- B. Eksistensialisme
- C. Egoisme
- D. Kemoralan sosial ✓

10. Penganut agama Budha sering mengamalkan _____ untuk mententeramkan pemikiran. Dengan itu, rintangan seperti nafsu, hasrat jahat, kemalasan, kepincangan, kerunsingan dapat dihapuskan. Apakah amalan yang diamalkan oleh penganut Budha?
- A. Yoga
B. Aerobik
C. Meditasi
D. Tai Ci
11. Perbezaan aliran pemikiran antara individu dengan individu yang lain bergantung kepada beberapa faktor, **KECUALI** :
- A. Didikan ibu bapa
B. Pengaruh rakan sebaya
C. Pengalaman
D. Diri sendiri
12. Mengikut teori ini nilai-nilai murni tidak berlaku secara semulajadi, tetapi menerusi latihan hingga menjadi satu kebiasaan dan menyeronokkan. Teori yang dimaksudkan ialah: *jugon*
- A. Teori Keperibadian Mulia
B. Teori Egoisme
C. Teori Kemoralan Sosial
D. Teori Eksistensialisme
13. Satu batu biasa telah diukir dan menjadi sebuah ukiran. Apakah nilai yang telah ditambah ke atasnya supaya menjadikannya bernilai?
- A. Nilai instrumental
B. Nilai estetik
C. Nilai intrinsik
D. Nilai subjektif
14. Manakah antara pernyataan berikut adalah **SALAH** :
- A. Peraturan boleh wujud dengan sendirinya.
B. Peraturan masyarakat adalah perlu dalam proses sosiolisasi.
C. Peraturan hidup boleh membantu seseorang menjadi lebih bedisiplin.
D. Peraturan merupakan ukuran yang mesti diikuti untuk sikap yang baik.

15. 'Manusia selalu bertindak demi kepentingan sendiri', pernyataan ini merupakan pendekatan moral secara :

- A. Saintifik
 B. Normatif
 C. Subjektif
 D. Objektif

16. 'Mengebom Hiroshima untuk menamatkan Perang Dunia Kedua, pernyataan ini merujuk kepada Nilai Moral:

- A. Nilai Mutlak
 B. Nilai Intrinsik
 C. Nilai Instrumental
 D. Nilai Relatif

17. Nilai dikatakan objektif apabila :

- A. Dipengaruhi oleh perasaan
 B. Berpandukan pengalaman individu
 C. Diberi nilai oleh ramai orang
 D. Bebas daripada penilainya

18. Yang manakah di bawah merupakan pertimbangan subjektif dalam penilaian moral?

- A. Mengumpul setem terpakai.
 B. Keindahan alam semula jadi.
 C. Tingkah laku yang jujur dan amanah.
 D. Kecantikan ukiran atau lukisan oleh pelukis terkenal.

19. Kod Etika adalah merujuk kepada:

- A. Nilai moral.
 B. Suatu panduan kerja.
 C. Buku panduan peraturan sesebuah organisasi.
 D. Tingkahlaku formal ketika majlis formal.

20. Berikut adalah sebab nilai-nilai moral mengalami cabaran dari masa ke semasa,

KECUALI :

- A. Pengetahuan tentang ajaran agama semakin bertambah.
 B. Pertimbangan terhadap nilai moral berlainan antara individu.
 C. Nilai masyarakat yang progresif berubah mengikut perkembangan dunia.
 D. Kepercayaan mengenai sebab dan akibat berbeza antara masyarakat.

BAHAGIAN B**(50 MARKAH)****Jawab semua soalan berikut :**

1. Jelaskan konsep dan pernyataan berikut : **Jumlah : 20 markah**
- (a) Keperibadian Mulia (4 markah)
 - (b) Prinsip Keadilan (4 markah)
 - (c) *Karma* (Hinduisme) (4 markah)
 - (d) Nilai Intrinsik (4 markah)
 - (e) Perasaan Moral (4markah)

2. (a) Nyatakan samada pernyataan berikut pernyataan **normatif** atau **deskriptif**:
- i) Ini sebuah rumah teres.
 - ii) Peraturan kolej mesti dipatuhi.
 - iii) Kereta Savvy itu bewarna hitam.
 - iv) Mother Teresa seorang yang baik.
 - v) Kita patut menepati janji. (5 markah)
- (b) Jelaskan tentang pernyataan ini yang berkaitan konsep nilai: (5 markah)
 “Seseorang mungkin lebih mengutamakan sesuatu nilai berbanding dengan nilai lain.”
- (c) Bagaimanakah nilai “baik ” boleh dikategorikan sebagai nilai moral dan nilai bukan moral? (5 markah)

Jumlah : 15 markah

3. (a) Senaraikan LIMA Keperibadian Mulia dalam Agama Sikh (5 markah)
- (b) Senaraikan rukun Islam. (5 markah)
- (c) Jelaskan konsep “Jalan Lapan Lapis Mulia” dalam agama Buddha (5 markah)

Jumlah : 15 markah

BAHAGIAN C : KAJIAN KES

Berdasarkan kes yang diberi, jawab semua soalan: (30 markah)

KES 1 (15 markah)

Wong dan Yeap merupakan sahabat baik. Ketika Wong menghadapi masalah kewangan Yeap selalu membantu Wong. Yeap membantu Wong dengan ikhlas. Dia tidak pernah meminta Wong untuk segera membalas setiap pertolongan yang dia berikan. Di sekolah Wong terkenal sebagai seorang pelajar yang jujur dan sangat disenangi oleh rakan-rakan kerana sikapnyanya yang peramah. Ketika peperiksaan akhir Wong ternampak Yeap meniru. Patutkah Wong melaporkan salah laku itu kepada pensyarah?

(a) Nyatakan konflik moral yang dihadapi oleh Wong. (4 markah)

(b) Dengan menggunakan Strategi Pembinaan Hirarki, selesaikan konflik moral yang dihadapi Wong. (7 markah)

(c) Nyatakan kelemahan Strategi Pembinaan Hirarki. (4 markah)

KES 2

Berikut merupakan dua definisi rasuah: (15 markah)

i) **Definisi 1** : Rasuah merupakan satu tindakan pemerasan yang dilakukan oleh seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan dan faedah dirinya sendiri.

ii) **Definisi 2** : Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang.

(a) Nyatakan pandangan anda mengenai rasuah. (5 markah)

(b) Jelaskan isu rasuah dari sudut teori : (10 markah)

i. Kemoralan Sosial

ii. Egoisme

- **SOALAN TAMAT** -



